



# LAWATAN SAMBIL "MEMBORONG" ILMU DI ISTANBUL



Kenangan dengan penari Tarekat Mevleviye Turki.

**Dalam** usaha menerbitkan *Ensiklopedia Hikmah*, satu projek raksasa yang dipelopori oleh Universiti Islam Malaysia (UIM), Cyberjaya, kami, iaitu penulis dan Profesor Hamid Abdullah, diberikan peluang untuk meninjau kaedah penerbitan ensiklopedia di Istanbul, Turki. Di samping itu, kami juga bercadang untuk mewawancara beberapa orang sarjana Turki yang terkenal dalam bidang yang berkaitan dan mendapatkan apa-apa sahaja bahan bacaan dan rujukan tentang hikmah.



Pemuzik dalam Tarekat Mevleviye.

Lawatan pada kali ini, *Alhamdulillah*, banyak dibimbing oleh puteraku, Abdul Halim, yang sudah bertahun-tahun belajar di sini. Pada hari pertama, kami menonton pertunjukan *Sama'*, iaitu tarian dan muzik dalam Tarekat Mawlawiyah/Mevlevilik. Kebetulan hari ini merupakan hari sejarawi tahunan bagi pujangga dan ulama itu, iaitu tanggal 17 Disember. Setahu penulis, setiap tahun pada hari ini, khususnya di Konya, tempat terletaknya makam Mawlana Rumi, diadakan perayaan besar-besaran.

Pertunjukan *Sama'* berlangsung selama sejam bermula dari pukul 7 malam di Hodjapasha. Di sini, kami berkesempatan melihat bahan pameran dan barangan jualan, seperti buku, beg sandang, tarbus khas, dan magnet, yang rata-rata berkaitan dengan tarian dan muzik, serta *Mawlana* sendiri. Penulis membeli satu beg sandang yang tertulis "*What you seek is seeking you – Rumi*". Buku sulung yang dibeli dalam kunjungan pada kali ini tentang tarian dalam tarekat, iaitu *Dervish Experince: Rumi Secrets & Whirling Dervishes*. Terasa teruja membaca buku nipis ini yang ditulis dalam dwibahasa, iaitu bahasa Turki dan Inggeris. Penulis juga diberikan sebuah buku cenderamata berjudul *Dervish Experince: Live Show & Exhibition*. Keterangan yang diberikan tidaklah panjang, hanya hal-hal yang terpenting sahaja dengan gambar berwarna-warni. Yang istimewa, keterangan itu diberikan dalam 11 bahasa,

antaranya termasuklah bahasa Turki, Inggeris, Sepanyol, Perancis, Itali, Jerman, Rusia, Arab, Parsi, dan Cina. Hal ini amat berguna untuk buku latihan dan bimbingan terjemahan penulis nanti.

Pada hari kedua, kami mengadakan lawatan rasmi di Pusat Penyelidikan Islam (ISAM), iaitu sebuah pusat yang menerbitkan *Turkiye Diyanet Vakfi Islam Ansiklopedisi (TDVIA)*. Rombongan kami disambut oleh Setiausaha Am ISAM. Kemudian kami diperkenalkan kepada Timbalan Pengarah ISAM. Dalam perbualan awal itu, beliau menyatakan bahawa beliau berpengkhususan dalam bidang Mazhab Maliki di Baghdad pada zaman dahulu. Penulis menjelaskan bahawa tujuan lawatan ini untuk merapatkan lagi hubungan dan menambah kemesraan. Penulis turut membuat sumbangan entri Kiyai Haji Ahmad Dahlan dalam jilid ke-8 *TDVIA*, dan entri Hamzah Fansuri dalam jilid ke-15 ensiklopedia berkenaan.

Pusat ini berjaya menerbitkan 46 jilid *TDVIA*. Kini, penerbitannya dalam proses menyusun untuk edisi ringkas dalam bahasa Turki. Terdapat dua unsur dalam edisi ringkas ini, iaitu entri dan isi kandungan entri yang terpilih sahaja diterbitkan. Mereka juga sedang berusaha untuk menterjemahkan edisi lengkap itu dalam bahasa Inggeris.

Menerusi tayangan layar komputer di situ, kami mendapat penjelasan tentang beberapa orang tokoh yang menyumbang entri untuk ensiklopedia ini, seperti Sulayman Uludag, Tahsin Yazici, Mahir Iz, dan Fahir Iz. Selain itu, turut ditayangkan gambar guru penulis, Profesor Hamid Algar. Sempat penulis beritahu kepada pegawai di situ bahawa penulis erat dengan karya-karya Mehmet Fuad Koprulu dan Abdulkaki Golpinarli. Pada akhir perbincangan kami, Pengarah ISAM menghadiahkan jilid 8 dan 15 ensiklopedia yang ada menyiarkan artikel penulis dan bergambar.


Selanjutnya, kami bergerak ke Universiti Marmara, Uskudar, di Istanbul-Asia. Halim membawa kami ke pejabat Profesor Hikmet Yaman, yang namanya sentiasa terukir di bibir kami. Bukunya terbitan Brill, Leiden, yang berasal daripada disertasi doktor falsafahnya di Universiti Harvard, menyentuh konsep hikmah dan perkembangannya pada zaman permulaan Islam.

Setelah mewawancara ilmiah beliau, kami menuju Kedai Buku Fakulti Ilahiyat, Universiti Marmara. Di sini, penulis membeli 30 buah buku dan satu majalah. Bahan rujukan yang didapatkan pada kali ini berkaitan dengan sastera Turki, bahasa dan sastera Arab, sastera Parsi, tokoh khat Turki, kamus Arab-Turki, tasawuf, dan kamus penulis dan penyair Turki. Antara buku yang dibeli termasuklah *Turk Islam Edebiyati Giriş; Min Sihr al-Bayān al-'Arabī: Nuşūş Adabiyah, Nathriyah wa Shi'riyah – Qadīmah wa Ḥadīthah; SistematiK Saraf Arapca Dil Bilgisi; Hasan Celebi: In Honour of Hasan Celebi's 50 th Year of Art; Farsca Basin Dili: Metinler - Alistirmalar - Sozluk; Qāmūs 'Arabī – Turkī al-Mawārid; dan Turk ve Dunya Edebiyatinda Yazarlar ve Sairler Sozlugu*.

Terdapat juga karya yang tergolong dalam siri dwibahasa. Yang banyak terpilih ialah karya penulis hebat Arab, seperti al-Imam al-Ghazali (*al-Munqidh min al-Dalāl*), Hasan al-Banna (*Risālat al-Tafsīr*), Sayyid Quṭb (*Ṭabī'at al-Mujtama' al-Islāmī*), dan Muḥammad Abū Zahrah (*al-Wiḥdah al-Islāmīyah*).

Selain itu, penulis menjumpai siri baharu yang sesuai dengan bidang yang didalami penulis, iaitu siri dwiaksara (Turki Osmani – Jawi & Turki Moden – Rumi). Lantas, penulis memilih karya sumbangan tokoh, seperti Mehmet Akif ERSOY (*Safahat' dan Secme Hikayeler*); Nasreddin HOCA (*Nasreddin Hoca' dan Secme Fikralar*); dan Namik Kemal (*Namik Kemal' den Secme Siirler*). Hanya satu majalah yang didapati menyentuh bidang utama penulis, iaitu *Turk Edebiyati*, bil. 542.

Halim membawa kami meninjau-ninjau pelbagai barang yang sesuai untuk dijadikan cenderamata dan hadiah di *Kapalicarsi* atau Bazar Tertutup. Banyak jurujual di gerai itu tahu bahasa Melayu dan Indonesia. Di *Sahafilar*, iaitu deretan kedai buku dan dekorasi Islamik, penulis memilih enam buah buku.



Bukhari Lubis menerima hadiah ensiklopedia daripada Pengarah ISAM, Istanbul.



Pertemuan sejarawi (dari kiri) Abdul Halim Lubis, Hamid Abdullah, Hikmet Yaman, dan Bukhari Lubis di Universiti Marmara, Istanbul.

Antaranya termasuklah berkaitan dengan sastera Turki dan sastera Parsi, seperti *The Philosopher's Philosopher Nasreddin Hodja*; *Rumi Therapy (From Age of Knowledge to Age of Wisdom)*; *Rumi: A Source of Inspiration for Universal Justice and Peace*; dan *Nizami: Aphorisms / Niẓāmī: Pand u Amthāl*.

Selanjutnya, kami bergerak ke Shahin Kitabevi. Penulis amat mengenali pemilik kedai ini sejak dahulu dan terus bermesra dengannya. Di sini, penulis membeli lima buah buku. Semua buku di sini seakan-akan edisi mewah, misalnya *Islam Dusunce Atlasi*, 3 jilid. Penulis terpikat pula dengan sebuah buku tentang khat dan berkaitan dengan kategori "Sumbangsih Tizkari" yang menjadi kegemaran. Buku yang dimaksudkan itu ialah *M Ugur DERMAN: 65 Yas Armagani/65<sup>th</sup> Birthday Festschrift*. Buku terakhir adalah tentang penyair Sufi, Ahmet Yesevi, yang pernah penulis kaji dalam penyelidikan tesis PhD dahulu dan seni bina makamnya.

Di sebuah kedai cenderamata, di bahagian luarnya penulis terkejut melihat satu hiasan yang menarik perhatian, iaitu papan kecil bermagnet. Di atas papan tersebut terdapat tulisan Rumi "47 – el-HAKIM"; di tengah-tengahnya tertera tulisan Jawi dengan huruf yang lebih besar dan khat yang cantik; sementara di bahagian bawah dihiasi dengan tulisan Rumi dalam bahasa Turki, *Butun Emirleri Ve Butun Isleri Hikmetli*, yang bermaksud "segala urusan dan usaha anda lakukanlah dengan hikmah". Perhiasan ini selari dengan hajat utama kami datang ke Istanbul. Pada sebelah petang, kami ke lubuk buku di bahagian lain, iaitu *Istiklal Caddesi* di Taksim. Kawasan berjalan di situ agak luas dan merupakan tempat orang berdemonstrasi.

Setibanya di sana, penulis terus ke tingkat dua. Penulis berkenan membeli lima buah buku yang menyentuh tentang nahu bahasa Turki, puisi epik lisan Turki, dan karya sastera Turki yang diterjemah ke bahasa asing. Antara buku tersebut termasuklah *Case Suffixes in Turkish: Verbs, Examples, Exercises with Answer*; *Turkic Oral Epic Poetry: Traditions, Forms, Poetic Structure*; *Orhan Pamuk: The Innocence of Objects*, dan *Journey to the Beloved: Sufi Poems by Yunus Emre*.

Seterusnya kami ke *Insan Yayinlari* yang tidak jauh dari situ. Di sini, penulis membeli 12 buah buku, seperti *Mantiku't-Tayr: Feriduddin Attar'in Olumsuz Eseri Gulsehri'nin Turkce Soyleyisiyle*; *Thalj* oleh Orhan Pamuk; *Guvercin Gerdanligi: Askin ve Asiklarin Halleri Uzerine* oleh Ibn Hazm; *Nizami-yi Gencevi: Leyla ile Mecnun*; dan *Yadd al-'Ishq: Mukhtārāt min Dīwān Shams Tabrīz li-Jalāl al-Din al-Rūmī*.

Pada hari keempat, kami berkunjung ke Pusat Penyelidikan Antarabangsa Kebudayaan dan Kesenian



Perbincangan dengan Pengarah IRCICA, Istanbul tentang buku terbitan mereka.

Islami (IRCICA) untuk melihat buku-buku terbitannya. Sayangnya, tiada satu pun buku terbitan mereka yang diakhiri dengan indeks. Kami dibawa menemui Pengarah IRCICA yang pernah penulis temui di Pesta Antarabangsa Seni Khat anjuran Kerajaan Negeri Terengganu beberapa tahun yang lalu, iaitu Dr. Halit Eren. Penulis terus menghadihannya buku *Ocean of Unity*. Dalam perbualan kami, pelbagai perkara yang dibincangkan. Awal-awal lagi kami menyerahkan buku keterangan tentang projek penerbitan *Ensiklopedia Hikmah* kepada beliau. Hal ini bertujuan untuk meminta kerjasama menulis entri, jika ada tenaga, dan memperoleh bahan bacaan terbitan IRCICA tentang hikmah.

Pada masa yang sama, beliau turut memohon kerjasama kami untuk mencari penulis tentang entri kesultanan kenegerian dan kedaerahan di Alam Melayu, seperti Kesultanan Aceh, Kesultanan Mataram dan Kesultanan Sulu. Pada hujung pertemuan, penulis menerima hadiah buku terbitan mereka, iaitu *Islamic Civilisation in the Malay World*, suntingan Taufik Abdullah dan *Jerusalem in Photographs from Past to Present*.

Selanjutnya kami bergegas untuk mewawancarai Profesor Dr. Ihsan Fazlioglu, Dekan Fakulti Edebiyat (Sastera), Universiti Istanbul Medeniyet di Uskudar, Istanbul-Asia. Meskipun terlambat, kunjungan kami masih dihargai mereka. Dalam masa singkat itu, sempat kami mengajukan soalan-soalan penting tentang projek ensiklopedia kami. Dari Universiti Istanbul Medeniyet, kami ke Universiti Uskudar untuk menemui sarjana yang juga teman lamaku di Universiti Chicago dahulu, iaitu Profesor Alparslan Acikgenc.

Di sana, kami mengeluarkan buku keterangan projek ensiklopedia kami untuk ditunjukkan kepada beliau. Kami juga memberikan hadiah kepada beliau cenderamata dari Malaysia, iaitu perhiasan bentuk KLCC. Profesor Alparslan memberitahu kami bahawa beberpa

tahun yang lampau, Tan Sri Mukhtar Al-Bukhari meminta beliau menyelidik atau mengarang tentang bandar Sanliurfa yang tidak banyak diketahui oleh orang Islam di Malaysia. Profesor Alparslan berjaya mengarang buku itu dan menceritakan bahawa dalam penyelidikannya, beliau diganggu oleh pasukan arkeologi yang sentiasa menemukan barang galian atau artifak lama di bawah tanah di kawasan bandar tersebut.

Seterusnya, pada hari kelima, bermacam-macam bangunan dan istana di pekarangan Muzium Topkapi kami lawati. Memang sukar untuk dibandingkan dengan sistem diraja atau kesultanan Melayu. Harus diingatkan bahawa Istanbul dibuka oleh Sultan Fatih Mehmet pada tahun 1453; yang ketika itu kita disuap dengan ceritera anjing ditendang di sebelah pohon Melaka.

Kami berehat di kafeteria yang bercermin untuk mengelakkan kesejukan cuaca, sambil menikmati keindahan Istanbul di sebelah Teluk Bosphorus. Selepas berehat sebentar, kami memulakan lawatan lagi. Kami ke gedung kecil yang menjual barang perhiasan untuk lelaki dan wanita. Hati penulis turut terpaut dengan sejenis cincin yang berubah-ubah warnanya mengikut keadaan dan lokasi cincin itu berada.

Di Muzium Topkapi, penulis cepat-cepat meneliti buku yang dipamerkan. Akhirnya, penulis membeli beberapa buah buku, antaranya termasuklah *A Photographic Album* yang menceritakan tempat menarik di Turki; *Cemile dan Murtaza - The King of His Duty* karya novelis terkenal Turki, Orhan Kemal, yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Kami solat Jumaat di masjid yang berdekatan dengan hotel kami. Pengalaman penulis ketika solat berjemaah di masjid Turki ini, mereka biasa bersempit-sempit; bahu melekat ketat ke bahu yang lain.

Kemudiannya, kami ke Eyuboglu pula untuk menaiki menara yang mempamerkan pemandangan Istanbul. Kami tiba di Kedai Buku Eren dan berasa teruja di kedai ini kerana dapat membeli tujuh buah buku dalam kategori "Sumbangsih Tizkari" yang amat digemari selama ini. Antara buku yang dibeli termasuklah *Prof. Dr. Abdurrahman GUZEL Armagani; Turk Dilleri Arastirmalari - Cilt 18: Festschrift in Honor of Talat Tekin*; dan *Yazi Hayatinin 60. Yilinda Sukru Kacar Armagani*. Selain itu, penulis turut memberikan perhatian tentang bidang sastera Turki, seperti *Ansiklopedik Turk Dili ve Edebiyati Terimleri Sozlugu*; *Asik Veysel: The Friends Still Remember You*; dan *Divan Siirinde Na't*.

Lawatan penulis ke Istanbul pada kali ini sungguh berkesan. Sememangnya betul kata orang, pembelajaran tetap berlaku hinggalah ke akhir hayat! Banyak bahan dan maklumat penting yang diperoleh demi menjayakan projek ensiklopedia kami. Pada kunjungan kali ini, demi melengkapkan perpustakaan keramat peribadi, penulis membeli 76 buah buku yang bernilai RM2731.36. Buku-buku tersebut rata-rata berkaitan dengan bidang yang ditumpukan selama ini, seperti bahasa dan kesusasteraan turki, arab dan parsi, kesusasteraan bandingan, kesusasteraan Islam, terjemahan, Sumbangsih Tizkari, tasawuf, kesenian, falsafah dan pemikiran, tamadun Islam, kamus dan ensiklopedia.